

KATA MAJMUK DALAM PERKAMUSAN: SATU ANALISIS SEMANTIK DAN PRAGMATIK

Zaiton Ismail dan Nor Hashimah Jalaluddin

Abstrak

Kata majmuk masih hangat dibincangkan meskipun telah ramai penahu menulis mengenainya. Pendapat dan hasil yang berbeza menyebabkan tiada penyelesaian seragam pada kata majmuk bahasa Melayu. Ada penahu yang menggunakan kriteria bentuk dan ada juga yang menyisipkan kriteria semantik bagi menghuraikan kata majmuk itu sendiri. Penghuraian ini menjadi lebih mengelirukan apabila ada pertindanan ciri dengan frasa nama bahasa Melayu. Ini sekali gus memberikan kesan kepada penyusunan kata majmuk itu sendiri dalam kamus. Makalah ini cuba menghuraikan perbezaan kata majmuk dengan frasa berdasarkan analisis semantik dan pragmatik. Kriteria semantik bercirikan ketidakbolehsisipan, ketidakbolehbalikkan dan imbuhan apitan akan dijadikan ujian kata majmuk, khususnya yang melibatkan kata majmuk kiasan. Ciri yang sama akan diterapkan pada kata majmuk bukan kiasan. Makalah ini juga menjelaskan bagaimana kata majmuk dapat dibezakan dengan frasa dan menentukan penyusunan yang lebih mantap dalam kamus.

Abstract

Despite much work on compound words have been done, the debate on this issue is still sizzling. There is no common acceptable definition on compound words due to different of opinions and findings. Some grammarians use structural criterion in defining the words, while others look at the semantic features. The description becomes more bewildered when phrases and compound words shared the common properties. Consequently, it poses problems in arranging and representing compound words in a dictionary. This article attempts to distinguish between compound words and phrases in Malay by using semantic criteria, namely non-infusibility, non-reversibility and circumfixes as a test in determining

compound words especially idioms. The same principles will be applied to analyze ordinary compound words. This article also explains the distinction between compound words with phrases, and accordingly proposes their arrangements and representations in the dictionary.

PENDAHULUAN

Pembentukan kosa kata amat penting dalam proses pembinaan bahasa dan seterusnya ke arah pemantapan sesuatu bahasa. Sebagai salah satu bahasa yang baru berkembang, terutama dalam pelbagai bidang ilmu, bahasa Melayu turut berusaha mengisi keperluan ini. Justeru, selain pembentukan istilah, imbuhan, penggandaan, dan peminjaman, pemajmukan kata turut memberikan sumbangan yang besar kepada pembinaan kosa kata bahasa Melayu. Pembentukan kata majmuk merupakan sebahagian daripada proses morfologi bahasa yang dijanakan mengikut peraturan dan kriteria tertentu bagi memaknakaninya. Hal seperti ini berlaku juga dalam pelbagai bahasa yang lain.

Kata majmuk yang diterjemahkan daripada *compound word* sentiasa mendapat perhatian daripada penahu Melayu. Asmah (1982), Arbak (1984), Aishah (1978), Abdullah (1987), Nik Safiah (1997) dan Harimurti (2001) ada membincangkan kata majmuk. Kata majmuk secara mudahnya ialah gabungan dua kata (yang bebas) lalu membentuk satu bentuk lain dan selalunya juga membentuk makna yang lain. Pembentukan ini berbeza daripada frasa kerana ada ciri-ciri khusus yang melatarinya. Namun begitu, perbezaan ini telah menimbulkan konflik yang menarik sehingga perbincangannya boleh dianggap belum selesai hingga ke hari ini.

Kata majmuk turut dirakamkan dalam kamus-kamus sebagai salah satu usaha untuk memantapkan konsep dan maknanya. Penyusunan kamus yang baik memerlukan penyelidikan yang mendalam, yang dilatari oleh ilmu, teori dan metodologi bagi menghasilkan segala maklumat tentang khazanah leksikal sesuatu bahasa yang boleh diuji, dikritik dan ditingkatkan mutunya. Hal ini sesuai dengan sifat bahasa yang hidup dan dinamik. Kamus yang baik ialah kamus yang sesuai dengan kehendak sasaran khalayaknya. Pengumpulan kosa kata yang meliputi ruang lingkup sasarannya, teknik pemerian, penyenaian entri dan persembahan yang kemas dan tuntas, panduan penggunaan kamus yang lebih mudah serta reka bentuk yang menarik merupakan faktor penting keberhasilan sesebuah kamus. Justeru, dalam proses penyusunan kamus, pengenalanpastian sesuatu bentuk kata itu, sama ada kata majmuk, frasa, gabungan kata, atau parataksis amat penting. Dalam kamus ekabahasa, selain kata dasar, kata majmuk biasanya turut dijadikan entri utama. Oleh yang

demikian, konsep dan pencirian kata majmuk perlu dikenal pasti dengan lebih mendalam oleh para penyusun kamus.

Para penahu bahasa Melayu memberikan konsep kata majmuk yang agak berbeza menurut pandangan masing-masing. Menurut Nik Safiah dan rakan-rakan (1997:558), kata majmuk ialah perkataan yang dibentuk dengan merangkaikan beberapa kata dasar dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu, dan bertindak sebagai satu unit, iaitu bentuknya tidak boleh menerima sebarang penyisipan unsur lain. Asmah (1982:194) pula mengatakan kata majmuk atau disebut juga kata majmuk berlapis ialah kata yang mempunyai unsur-unsur yang terdiri daripada morfem bebas atau partikel tetapi pewujudan fonologinya berbeza antara satu sama lain, dan unsur-unsur itu bertindak sebagai satu satuan (unit) dalam struktur ayat tertentu. Asmah (1982:17) juga menyamakan kata majmuk dengan kata kompleks setara bagi kata yang terdiri daripada sekurang-kurang dua morfem bebas, misalnya *matahari*, *dukacita*, *sukacita*. Abdullah (1982:157) pula mendefinisikan kata majmuk sebagai satu bentuk konstruksi kata yang mempunyai dua atau tiga kata sebagai konstituennya, dan setiap satu konstituennya itu boleh terdiri daripada bentuk akar atau terbitan.

Bagi Arbak (1984:29) pula, kata majmuk ialah perkataan-perkataan yang terbina daripada dua atau lebih bentuk bebas yang disenyawakan sebagai satu perkataan dengan erti kata mempunyai makna yang khas dan tersendiri. Dalam bahasa Melayu, kata majmuk biasanya terbina daripada dua bentuk bebas sahaja, misalnya *mahasiswa*, *surat khabar*, *rumah sakit*, *tanggungjawab* dan lain-lain. Aishah (1978) pula menyebut kata majmuk sebagai kata yang dibentuk daripada morfem bebas (morfem yang dapat berdiri sendiri sebagai kata dalam ayat) yang jumlahnya lebih daripada satu yang tidak dapat disisipi dengan *kata tugas* (kata-kata partikel seperti *di*, *dari*, *daripada*, *ke*, *kepada*, *-kah*, *-lah*, *-tah*) dan *kata penuh* (seperti *tidak*, *tak*, *bukan*, *jangan*, *memang*, *ya*, *bila*, *bagaimana*, *kenapa*, *mengapa*) yang berfungsi dalam sekumpulan kata yang wujud sebagai *verbal extension* dan membentuk suatu kesatuan yang dapat diperkukuh dengan morfem terikat pada posisi awal dan akhir. Harimurti (2001:1) pula menjelaskan kata majmuk sebagai gabungan leksem dengan leksem lain sebagai hasil proses morfologis, jadi merupakan satu kata. *Kamus Linguistik* (1997:116) memberikan takrif kata majmuk sebagai kata yang terdiri daripada gabungan dua morfem bebas atau lebih yang membawa makna tertentu.

Walaupun para penahu bahasa Melayu mempunyai pendapat atau pandangan yang berbeza tentang konsep atau definisi kata majmuk, namun secara sederhana dapatlah dikatakan bahawa kata majmuk merupakan kata

yang terdiri daripada gabungan dua atau lebih kata yang membawa kesatuan makna tertentu.

Perbincangan kata majmuk boleh diringkaskan kepada jadual di bawah:

Jadual 1 Pencirian kata majmuk (unsur binaan) menurut penahu.

Pencirian kata majmuk (unsur binaan)	Penahu					
	Abdullah 1987	Asmah 1982	Nik Safiah 1997	Aishah 1978	Arbak 1984	Harimurti 2001
Morfem/ kata akar/terbitan	√					√
Morfem bebas/partikel		√		√		
Kata dasar/perkataan			√			
Perkataan bentuk bebas					√	
Paduan leksem						√

Daripada Jadual 1 di atas, dapat disimpulkan bahawa semua penahu boleh dikatakan sepakat dalam menentukan ciri binaan kata majmuk, iaitu berasaskan morfem; cuma istilah yang digunakan agak berbeza meskipun membawa konsep yang sama. Perbincangan mengenai kata majmuk diteruskan lagi dengan memasukkan ciri hubungan bentuk. Dari sini dapat dilihat bahawa adanya unsur semantik atau makna diambil kira. Rumusan daripada ciri itu boleh dilihat dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Pencirian kata majmuk (hubungan bentuk) menurut penahu.

Pencirian kata majmuk (hubungan bentuk)	Penahu					
	Abdullah 1987	Asmah 1982	Nik Safiah 1997	Aishah 1978	Arbak 1984	Harimurti 2001
Konstruksi sintaktik (hukum DM) dan konstruksi bukan sintaktik (hukuman MD)	√					√
Tidak boleh ditransformasikan				√		
Ketidakbolehsisipan			√	√		√
Perenyawaan					√	
Ketidakbolehbalikan						√
Ketidakbolehluasan	√					√

Daripada Jadual 2 di atas, jelas menunjukkan penahu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri bagi membezakan kata majmuk ini dengan frasa. Antara ciri yang diberikan ialah ketidakbolehsisipan, ketidakbolehbalikan, ketidakbolehluasan, hukum DM dan MD (sintaktik) dan tidak boleh ditransformasikan. Ciri ini yang membezakan pendapat antara satu penahu dengan penahu yang lain.

Pernyataan Masalah

Pada dasarnya, kebanyakan pengkaji bahasa bersependapat tentang konsep kata majmuk, iaitu dua morfem bebas atau lebih yang mendukung satu makna atau pengertian tertentu. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perbezaan pendapat di kalangan para penahu dalam menghuraikan pencirian kata majmuk. Kata majmuk selalunya dikelirukan dengan bentuk gabungan kata atau rangkai kata yang lain seperti frasa, parataksis, kata ganda atau kiasan. Salah satu sebab timbulnya kekeliruan ini ialah ketidakselarasan pencirian bentuk-bentuk ini, terutamanya bentuk kata majmuk. Justeru, penentuan ciri kata majmuk merupakan salah satu aspek yang perlu diteliti untuk menangani persoalan ini.

Kajian ini menelusuri masalah yang wujud dalam pencirian kata majmuk bahasa Melayu dan kemudian meninjau ketidaktekalan kedudukan masukan kata majmuk dalam kamus ekabahasa khususnya *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (selepas ini disebut KDE3). Kata majmuk juga mengundang persoalan penghuraian makna yang tepat kerana bentuk kata ini mempunyai makna tersurat (eksplisit), makna tersirat (implisit) atau kedua-duanya sekali. Di sinilah kamus sewajarnya memainkan peranan yang penting dalam memerikan makna yang tepat dan tuntas bagi setiap bentuk kata ini.

Fokus utama dalam kertas ini adalah untuk melihat sejauh mana perbezaan pencirian kata majmuk oleh para penahu, dan melihat bagaimana kriteria semantik dan hubungan semantik kata majmuk berupaya menganalisis penghuraian makna menurut analisis semantik dan pragmatik. Pengenalpastian ciri kata majmuk yang tepat dari segi kriteria bentuk pula membantu memantapkan penentuan kedudukan masukan kata majmuk dalam kamus.

Ketidakselarasan Pencirian Kata Majmuk

Pencirian kata majmuk bermaksud proses menentukan sifat-sifat khusus yang ada pada kata majmuk yang membezakannya daripada bentuk-bentuk

kata lain, misalnya frasa, parataksis, gabungan kata atau kiasan. Abdullah Hassan (1987), Asmah Haji Omar (1982), Nik Safiah Karim (1997), Aishah Mahdi (1978), Arbak Othman (1984) dan Harimurti Kridalaksana (2001) adalah antara penahu yang pernah membincangkan pencirian kata majmuk. Walau bagaimanapun, timbul persoalan ketidakselarasan pencirian kata majmuk yang disarankan oleh para penahu ini. Hal ini disebabkan pencirian yang dilakukan oleh mereka menurut persepsi masing-masing. Kertas ini akan melihat pencirian kata majmuk daripada dua kriteria, iaitu kriteria bentuk dan kriteria semantik. Kriteria bentuk kata majmuk dilihat dari aspek unsur binaan, hubungan bentuk, dan imbuhan manakala kriteria semantik dilihat dari aspek hubungan semantik, terutama kesatuan maknanya.

Kriteria Bentuk

Terdapat perbezaan penggunaan unsur binaan kata majmuk di kalangan para penahu. Antara unsur binaan yang digunakan ialah morfem, kata akar, kata terbitan, partikel, dan sebagainya. Abdullah (1987), misalnya memilih *morfem*, *kata akar* atau *kata terbitan* tetapi Asmah (1982) menggunakan *morfem bebas* atau *partikel*. Selain itu, Asmah (1982) dan Abdullah (1987) juga memasukkan partikel majmuk sebagai kata majmuk, misalnya *daripada*, *kepada*, *walaupun* dan lain-lain tetapi Nik Safiah (1997) dan Arbak (1984) pula menggolongkan bentuk ini sebagai subgolongan kata hubung. Perbezaan penggunaan unsur binaan oleh para penahu menimbulkan kekeliruan dalam mengenal pasti bentuk kata majmuk.

Hubungan bentuk juga merupakan ciri utama untuk membezakan bentuk kata majmuk dengan bentuk frasa. Apa yang nyata, walaupun penahu membicarakan hal yang sama tetapi istilah yang digunakan berbeza-beza. Abdullah (1987) dan Harimurti (2001) menggunakan istilah “ketakterluasan” sedangkan Aishah (1978) menggunakan istilah “tidak boleh ditransformasikan”. Nik Safiah (1997) dan Harimurti (2001) pula menekankan ciri ketidakbolehsisipan oleh sebarang unsur tanpa menjelaskan jenis unsur penyisipan itu. Bagi Nik Safiah (1997:229), rangkai kata yang boleh disisip tanpa mengubah makna asal dianggap parataksis. Bagaimanapun, Aishah (1978) menetapkan unsur penyisipannya, iaitu terdiri daripada kata tugas dan kata penuh. Unsur penyisipan sebenarnya perlu dijelaskan untuk mengelakkan kekeliruan dalam mengenal pasti bentuk kata majmuk berbanding dengan frasa atau parataksis.

Fungsi imbuhan juga menjadi salah satu ciri bagi kata majmuk. Menurut Asmah (1982), tanpa ikatan imbuhan, bentuk kata itu dianggap frasa dan

bukan kata majmuk. Misalnya, *penyalahtempatan*, *ketidakjujuran* merupakan kata majmuk tetapi dalam keadaan tanpa imbuhan, iaitu *salah tempat*, *tidak jujur* berubah menjadi bentuk frasa yang sejajar dengan frasa lain seperti *adu belalang*, *salah orang*, *tidak baik* dan lain-lain. Bagi Aishah (1978) pula, mana-mana bentuk yang boleh diimbuhkan dengan morfem terbahagi (apitan) maka bentuk itu ialah kata majmuk, sama ada dalam keadaan berimbuhan ataupun tidak. Bagi bentuk yang tidak boleh menerima apitan, misalnya *jalan kaki* yang tidak boleh menjadi *perjalankakian*, maka tidak boleh dianggap kata majmuk.

Nik Safiah (1997) pula berpendapat bahawa kata majmuk boleh menerima awalan atau akhiran, dan apitan. Bagaimanapun, tumpuan diberikan hanya kepada cara pengejaan, iaitu dieja terpisah apabila menerima awalan dan akhiran, misalnya *bercampuk aduk*, *daya serapan* dan dieja bercantum apabila menerima apitan, misalnya *berlatar-belakangan*, *penyatupaduan* dan lain-lain. Ketidakselarasan fungsi imbuhan bagi kata majmuk ini menimbulkan persoalan dalam meletakkan sesuatu bentuk gabungan kata itu sama ada bentuk kata majmuk ataupun bentuk frasa.

Dengan perbezaan sudut pandangan tentang unsur binaan, hubungan bentuk dan imbuhan di kalangan para penahu bahasa Melayu, maka kaedah untuk membezakan bentuk kata majmuk dan bentuk frasa masih terus menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna bahasa. Untuk menangani persoalan ini, penetapan unsur yang menjadi binaan kata majmuk perlu diseragamkan, hubungan bentuk kata majmuk perlu dijelaskan, terutamanya unsur penyisipan, dan fungsi imbuhan kata majmuk perlu diselaraskan. Kertas ini seterusnya akan membandingkan bentuk kata majmuk serta bentuk frasa yang ada dalam data pilihan untuk melihat sejauh mana pencirian kata majmuk yang terpilih dapat dipertahankan. Untuk memantapkan kajian ini, mana-mana bentuk kata majmuk yang mempunyai makna implisit-eksplisit akan dilihat dalam struktur ayat dan dikaitkan dengan konteks penggunaannya sebagaimana yang disarankan dalam Teori Relevans.

Kriteria Semantik

Kriteria semantik memainkan peranan penting dalam membantu mengenal pasti kata majmuk, terutama dalam penghuraian makna bentuk kiasan. Abdullah (1987) melihat perkaitan makna dengan konstruksi endosentrik dan eksosentrik. Kedua-dua unsur ini berfungsi dan membawa makna yang

lain atau luar daripada unsur-unsurnya, dan selalunya wujud dalam bentuk kiasan. Nik Safiah, Aishah dan Arbak melihat hubungan semantik antara konstituen atau unsur binaan kata majmuk, iaitu dalam hubungan mewujudkan makna baharu atau makna tertentu sahaja. Mereka tidak meninjau aspek penghuraian makna tentang kata majmuk bentuk kiasan atau simpulan bahasa (biasanya terdiri daripada dua kata) yang mempunyai makna implisit atau implisit-eksplisit. Para penahu juga mempunyai pendapat yang berbeza tentang kedudukan simpulan bahasa, iaitu sama ada ia boleh digolongkan sebagai kata majmuk ataupun tidak. Arbak (1984), misalnya tidak menganggap kiasan atau simpulan bahasa sebagai kata majmuk. Nik Safiah (1997) dan Aishah (1978) berpendapat simpulan bahasa boleh digolongkan dalam kata majmuk walaupun terdapat gejala tumpang tindihnya.

Penghuraian Makna

Penghuraian makna yang jelas dan tepat amat perlu, terutama dalam menangani kata-kata yang mengandungi makna implisit atau makna tersirat, dan makna eksplisit atau makna tersurat. Kata majmuk yang tergolong dalam bentuk kiasan turut memerlukan penghuraian dalam kedua-dua jenis makna ini. Misalnya *ibu ayam* dimasukkan makna implisit tanpa ayat contoh dalam KDE3. Sedangkan *ibu ayam* mempunyai makna eksplisit, iaitu “ibu kepada anak ayam, biasanya bertelur” dan makna implisit, iaitu “perempuan yang memperdagangkan pelacur”. Makna implisit boleh diperluas dengan dikaitkan secara analisis semantik dan pragmatik. Makna eksplisit pula dapat membantu memberikan maklumat semantik untuk mentafsir makna konotasi. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa untuk menyelesaikan masalah penghuraian makna kata majmuk yang tidak tepat dan jelas, aspek penerapan teori menurut analisis semantik dan pragmatik perlu diambil kira, lebih-lebih lagi bagi kata majmuk yang berbentuk kiasan.

Ketidaktekalan Kedudukan Masukan Kata Majmuk dalam Kamus

Kamus yang berfungsi sebagai rujukan utama pengguna bahasa sewajarnya berupaya membantu pengguna mengenal pasti bentuk kata dalam sesuatu bahasa, sama ada kata majmuk, kata ganda, parataksis ataupun kiasan kerana di sinilah segala bentuk kata dan pemerian makna kata dirakamkan. Persoalannya wujud ketidaktekalan cara pemasukan entri kata majmuk.

Terdapat empat kedudukan masukan kata majmuk dalam KDE3, iaitu:

- i. Kata majmuk (sama ada ejaan disatukan atau terpisah) dimasukkan sebagai entri utama sama ada mempunyai terbitan ataupun tidak, misalnya *warganegara*, *ibu angkat*, *matahari*;
- ii. Kata majmuk dimasukkan sebagai contoh penggunaan dalam polisemi, misalnya kata majmuk *rumah ibu* dimasukkan dalam pecahan makna bagi entri *ibu* dan;
- iii. Kata majmuk dikelompokkan dengan frasa, misalnya *ibu ayam* sekelompok dengan *ibu jari*, *ibu mentua*;
- iv. Kata majmuk sebagai entri yang tersendiri.

Berdasarkan kedudukan masukan kata majmuk yang berbeza-beza dalam KDE3, maka pengguna kamus tidak dapat mengenal pasti bentuk ini dengan mudah. Persoalan lain juga timbul apabila tidak semua kata majmuk yang boleh membentuk kata terbitan lain dimasukkan sebagai entri utama, misalnya *ibu kandung*, *ibu susu* atau *ibu pejabat* yang boleh dijanakan menjadi bentuk terbitan, iaitu *beribukandungkan*, *beribususukan*, atau *beribupejabatkan*. Sebaliknya, kata-kata majmuk ini dimasukkan sebagai contoh penggunaan atau frasa entri. Kedudukan masukan kata majmuk kiasan dalam KDE3 juga tidak seragam. Kata majmuk kiasan *kaki ayam* misalnya dimasukkan sebagai entri utama sedangkan *ibu ayam* dimasukkan sebagai frasa contoh dalam entri *ibu*. Justeru, kedudukan pemasukan kata majmuk sebagai entri utama atau sebagai subentri dalam kamus tidak dapat tidak mestilah bergantung pada pencirian yang mantap.

Ketidakselarasan pencirian kata majmuk sama ada dalam kriteria bentuk atau kriteria semantik memberi kesan kepada kedudukan masukan kata majmuk dalam kamus. Ini ditambah lagi dengan penghuraian makna kata majmuk yang implisit dan eksplisit atau kedua-duanya sekali. Persoalan ini memberi kesan kepada kedudukan pemasukan kata ini dalam kamus. Justeru, kamus yang baik ialah kamus yang mempunyai kaedah penyusunan entri yang sesuai dengan kehendak sasarannya. Oleh itu, teknik penyusunan kamus yang kemas, jelas, tuntas dan mesra pengguna serta mempunyai panduan yang mudah dan lengkap amat perlu untuk membantu pengguna mencari makna sesuatu entri yang diperihalkan.

Kajian Alternatif

Daripada Jadual 1 dan Jadual 2, Zaiton (2003) telah mencadangkan tiga

ciri yang boleh dijadikan mekanisme untuk menentukan sama ada kata itu kata majmuk ataupun frasa. Tiga ciri yang menjadi pilihan ialah:

- i. ketidakbolehsisipan – terutama oleh kata hubung seperti *pada, di, ke, dari*;
- ii. ketidakbolehbalikkan – ciri ini boleh mengubah makna; dan
- iii. menerima apitan – imbuhan ke- ... -an contohnya.

PENGANALISISAN DATA

Peranggu <ibu> dipilih sebagai data pilihan kajian ini. Berdasarkan KDE3, terdapat 31 gabungan kata dalam peranggu ini yang terdiri daripada frasa entri, kata majmuk (kiasan dan bukan kiasan) dan parataksis. Sepuluh bentuk kata yang terdiri daripada lima bentuk kata majmuk, iaitu **ibu ayam, ibu keladi, ibu saudara, ibu angkat, dan rumah ibu** manakala lima bentuk frasa pula ialah **ibu jari, ibu mentua, ibu kandung, ibu bapa dan ibu kaki**¹ akan dibahaskan dalam kajian ini. Pemilihan 10 data ini berdasarkan penelitian terhadap takrifannya yang sedia ada dalam KDE3 dan kamus rujukan lain yang difikirkan boleh dibuat penambahbaikan dengan bantuan ayat contoh dalam konkordans korpus daripada Pangkalan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka.

Untuk setiap data kajian ini, beberapa jenis ayat contoh dipilih untuk diinterpretasikan mengikut analisis semantik dan pragmatik. Analisis semantik dilakukan menurut teori semantik sistem penuh, iaitu dengan melihat makna harfiah melalui bentuk logik. Terdapat juga dua bentuk logik yang dipaparkan mengikut keperluan, iaitu sekiranya mempunyai dua makna yang diwakilinya. Bentuk logik pertama melihat makna bagi tiap-tiap satu kata manakala bentuk logik kedua melihat makna secara gabungan kedua-dua konstituennya yang biasanya terungkap makna implisitnya. Hal ini bertujuan untuk melihat sama ada makna kata berfungsi secara literal atau dalam satu kesatuan makna. Untuk memudahkan pemahaman ayat dalam data, setiap makna harfiah disenaraikan satu per satu menurut analisis semantik bentuk logik. Seterusnya, bentuk ini akan diterapkan penciriannya menerusi kriteria bentuk dengan tiga ciri yang terpilih, iaitu ketidakbolehsisipan, ketidakbolehbalikkan dan ciri imbuhan berdasarkan pewajaran yang dijelaskan seperti di atas.

1 Dalam kertas ini, hanya tiga kata majmuk dan tiga frasa sahaja yang akan dibincangkan dengan mendalam.

1. Data “ibu ayam”

Analisis Semantik

Ayat contoh:

- (1) **Ibu ayam** hitam berbulu balik kepunyaan Razali sedang mengajar anak-anaknya mencakar tanah mencari ulat yang terakhir.

Bentuk logik:

- (1) i. [yang melahirkan] [unggas yang biasanya dितernak]
hitam berbulu balik kepunyaan Razali sedang mengajar anak-anaknya mencakar tanah mencari ulat yang terakhir.

- (2) “Siapa perempuan tu?” “**Ibu ayam**”, Nafis berbisik.

Bentuk logik:

- (2) i. “Siapa perempuan itu?”

[yang melahirkan] [unggas yang biasanya dितernak]
Nafis berbisik.

- (2) ii. “Siapa perempuan itu?”

[perempuan yang memperdagangkan pelacur]
Nafis berbisik

- (3) Depa kata yang tua tu adalah **ibu ayam**. Betul juga **ibu ayam**, pasal selalu aku nampak dia cari bapa ayam.

Bentuk logik:

- (3) i. Depa kata yang tua tu adalah _____, Betul juga

[yang melahirkan] [unggas yang biasanya dितernak]

[yang melahirkan] [unggas yang biasanya dितernak]
pasal selalu aku nampak dia cari bapa ayam.

- (3) ii. Depa kata yang tua tu adalah _____ . Betul juga
 [perempuan yang memperdagangkan pelacur]
 _____ ,
 [perempuan yang memperdagangkan pelacur]
 pasal selalu aku nampak dia cari bapa ayam.

Analisis Pragmatik

Dalam ketiga-tiga ayat contoh di atas, **ibu ayam** mempunyai makna implisit, eksplisit dan implisit-eksplisit. Dalam ayat (1) **ibu ayam** dapat diinterpretasikan sebagai sejenis unggas kerana terdapat maklumat tambahan pada perkataan “berbulu”, “mencakar” dan “mencari ulat”. Kita sedia maklum bahawa ayam ialah unggas yang berbulu. Di samping itu, tabiat “mencakar” dan “mencari ulat” untuk dimakan sememangnya tingkah laku alamiah ayam. Justeru, makna harfiah yang dipaparkan dalam bentuk logik (1)i menjelaskan bahawa makna yang didukung oleh **ibu ayam** dapat dianggap sebagai makna eksplisit sahaja.

Dalam ayat (2) pula, dua bentuk logik dipaparkan bersama makna harfiahnya. Bentuk logik (2)i tidak dapat memberikan tafsiran yang tepat bagi makna eksplisit ataupun implisit kerana makna **ibu ayam** dengan makna harfiah (“yang melahirkan” dan “unggas yang biasanya ditenak”) itu tidak dapat dihubungkan antara satu sama lain dalam ayat tersebut. Bagaimanapun, dalam bentuk logik (2)ii, **ibu ayam** mempunyai makna yang tersirat atau implisit kerana maklumat pragmatik dalam ayat tersebut dapat dikesan melalui perkataan “perempuan” dan “berbisik”. Pertanyaan yang dikemukakan dalam ayat tersebut yang menggunakan perkataan “perempuan” jelas menunjukkan objek yang hendak diceritakan ialah manusia. Jawapan secara “berbisik” menunjukkan si penutur bercakap dengan suara yang perlahan supaya tidak boleh didengari orang lain kerana perkara yang hendak dibicarakan itu merupakan rahsia atau melibatkan maruah seseorang. Teori Relevans menekankan aspek konteks dan usaha memproses sesuatu ujaran. Di sinilah konteks perbualan memainkan peranan penting dalam melihat situasi latar ujaran tersebut diucapkan. Usaha memproses kata yang bersifat kiasan memang lebih tinggi kerana memerlukan pemahaman yang lebih, terutama dalam aspek budaya masyarakat penuturnya. Namun demikian, maklumat yang bakal diterima adalah setimpal atau berbaloi dengan apa yang diproses serta menghasilkan tafsiran yang relevan. Dalam ayat (2), pendengar

boleh mengandaikan konteks ujaran oleh penutur dapat membekalkan kesan konteks bagi membantu interpretasi makna kata majmuk itu dikembangkan untuk memproses maklumat dengan kata yang ada dalam ayat, iaitu “berbisik” yang menunjukkan ada sesuatu yang hendak diberitahu secara sulit atau rahsia yang tidak boleh diketahui oleh orang lain. **Ibu ayam** yang bermaksud perempuan yang memperdagangkan pelacur menjadi lambang kemaksiatan yang perlu dihindari dalam konteks kehidupan bermasyarakat, malah menjadi **ibu ayam** ialah perkara yang dilarang oleh agama. Tentunya kegiatan ibu ayam bukanlah lumrah bagi masyarakat penutur ini. Justeru, makna **ibu ayam** dalam bentuk logik (2)ii mewakili makna implisit bagi bentuk kata majmuk kiasan ini.

Dalam ayat (3) pula, pengkaji berpendapat bahawa bentuk kata **ibu ayam** mempunyai makna implisit-eksplisit. Perkataan “tua” dan “cari bapa ayam” boleh mempunyai maksud ayat yang berbeza. Ibu ayam (unggas atau manusia) sememangnya lebih tua berbanding dengan anak ayam (unggas atau pelacur digelar juga sebagai anak ayam). Perkataan “bapa ayam” bermaksud “ayam jantan atau lelaki yang memperdagangkan pelacur atau bapa yang tidak mempedulikan anaknya” (KDE3 1994:106). Kerjaya sebagai bapa ayam (lelaki) dan ibu ayam (perempuan) adalah sama. Oleh itu, dalam konteks hubungan sosial mereka, tidak dapat dinafikan kedua-duanya boleh saling dikaitkan. Bagaimanapun, dalam konteks alam haiwan pula, biasanya ibu ayam tidak mencari bapa ayam tetapi adalah sebaliknya. Justeru, pengkaji berpendapat bahawa bentuk logik (3)i dan ii dapat diinterpretasikan dalam dua makna, iaitu makna eksplisit dan makna implisit. Makna eksplisit berkaitan dengan alam haiwan manakala makna implisit berkaitan dengan alam manusia yang lebih bersifat kiasan. Dalam makna bentuk logik (3)ii, frasa “ibu ayam cari bapa ayam” membantu pendengar membekalkan kesan konteks dalam membuat interpretasi makna, iaitu implisit-eksplisit dalam konteks kehidupan alam haiwan dan alam manusia. Usaha memproses maklumat menjadi lebih tinggi berdasarkan ujaran atau ayat tersebut dengan pengayaan maklumat dan pemilihan rujukan ungkapan tersebut. Ungkapan tersebut jelas menunjukkan bahawa alam manusia boleh berlaku sedemikian tetapi tidak dalam alam haiwan. Walaupun usaha memproses tinggi, hasil yang setimpal diperoleh sehingga ayat tersebut dapat ditafsirkan makna bentuk logik (3)ii yang dapat dipertahankan kerelevanannya.

Jelasnya, berdasarkan analisis semantik dan pragmatik, penghuraian makna **ibu ayam** dapat diinterpretasikan kepada makna implisit dan makna eksplisit secara mantap dan kamuslah yang memainkan peranan yang penting untuk menghuraikan makna-makna tersebut. Mana-mana ayat yang

mempunyai ketaksaan dalam menginterpretasikan makna seharusnya dielakkan dalam contoh penggunaan dalam kamus.

Dari segi kriteria bentuk, kata majmuk **ibu ayam** dapat diuji seperti yang berikut:

- i. Ciri ketidakbolehsisipan – Dalam kaitan makna implisitnya, **ibu ayam** tidak boleh disisip dengan pola frasa seperti *yang, dari, kepada, milik* dan sebagainya, misalnya *ibu yang ayam**, *ibu dari ayam**, *ibu kepada ayam**, atau *ibu milik ayam**. Oleh itu, **ibu ayam** dalam makna implisit kekal sebagai kata majmuk.
- ii. Ciri ketidakbolehbalikan – **ibu ayam** jika diterbalikkan mengalami perubahan makna, iaitu *ayam ibu* yang bermaksud “ayam yang dijadikan ibu untuk mengeramkan telur” dan bentuk ini menjadi bentuk frasa dan ini menepati ciri kata majmuk.
- iii. Ciri imbuhan – **ibu ayam** dalam ayat (1), (2) dan (3) boleh menerima imbuhan apitan untuk membentuk kata terbitan yang boleh diramalkan seperti *beribuayamkan* yang bermaksud “menjadikan seseorang sebagai ibu ayam”, atau *diibuayamkan* (bentuk pasif) dan ini menepati ciri kata majmuk.

Dalam KDE3, **ibu ayam** dimasukkan sebagai frasa entri bagi entri *ibu* manakala kata terbitan *beribuayamkan* tidak disenaraikan. Dalam Panduan Penggunaan *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, perkara 1.2 kata terbitan dicatatkan bentuk-bentuk kata terbitan yang tidak dimasukkan (KDE3,1994:xxxvii) dan ini tidak termasuk kata terbitan yang terbentuk daripada apitan *ber-...-kan*. Berdasarkan analisis semantik dan pragmatik serta pengujian ketidaktiga ciri dalam kriteria bentuk, maka dapatlah dikatakan bahawa **ibu ayam** boleh digolongkan dalam bentuk kata majmuk kerana menepati pencirian kata majmuk seperti yang dinyatakan di atas.

2. Data “ibu keladi”

Analisis Semantik

Ayat contoh:

(4) Apa tidaknya, setahun satu macam **ibu keladi**.

Bentuk logik:

(4) i. Apa tidaknya, setahun satu macam _____
 bahagian yang besar _____

_____ .
**daripada sesuatu] [sj tumbuhan(herba) yang ubinya boleh
digoreng atau digulai]**

(4) ii. Apa tidaknya, setahun satu macam _____
[seseorang yang mempunyai
_____ .
anak yang ramai]

(4) iii. Apa tidaknya, setahun satu macam _____
[duduk di tengah-tengah
_____ .
dikelilingi orang]

(4) iv. Apa tidaknya, setahun satu macam _____
[orang tua yang masih ber-
_____ .
kelakuan seperti orang-orang muda]

(5) “Biarkan **ibu keladi** tu dengan caranya sendiri, satu hari nanti tahulah dia mengubah dirinya.” tambahanya lagi.

Bentuk logik:

(5) i. “Biarkan _____
[orang tua yang masih berkelakuan seperti orang-
orang muda]
tu dengan caranya sendiri, satu hari nanti tahulah dia mengubah
dirinya.” tambahanya lagi.

(5) ii. “Biarkan _____
[seseorang yang mempunyai anak yang ramai]
tu dengan caranya sendiri, satu hari nanti tahulah dia mengubah
dirinya.” tambahanya lagi.

Analisis Pragmatik

Dalam ayat (4) di atas, **ibu keladi** mempunyai makna implisit kerana bentuk

kata ini dianggap sebagai bentuk kiasan yang tidak dapat dikesan secara terus melalui bentuk logiknya. Hakikatnya, **ibu keladi** mempunyai banyak makna implisit yang difahami oleh masyarakat Melayu. **Ibu keladi** boleh bermaksud “orang yang mempunyai anak yang ramai” atau “duduk di tengah-tengah dikelilingi orang” atau orang tua yang masih berkelakuan seperti orang-orang muda”, seperti yang dinyatakan dalam bentuk logik (4) ii, iii dan iv. Pengkaji cuba memasukkan makna harfiah ibu dan keladi seperti dalam bentuk logik (4) i, iaitu “bahagian yang besar daripada sesuatu” dan “sejenis tumbuh-tumbuhan herba yang ubinya boleh dimakan sama ada digulai atau digoreng”. Bagaimanapun, bentuk logik ini tidak cukup untuk membantu pemahaman ujaran atau ayat tersebut. Makna bentuk logik (4)iii dan (4)iv pula tidak dapat dikaitkan dengan konteks ayat yang dipaparkan itu.

Berdasarkan Teori Relevans, kesan konteks melalui ungkapan kata ‘setahun satu’ dalam ayat (4) dapat membantu kita mengetahui makna **ibu keladi** yang ingin disampaikan oleh penutur. Setahun menjadi pemilihan rujukan bagi menunjukkan tempoh biasa boleh seseorang melahirkan anak. Jika seseorang melahirkan anak seorang setiap satu tahun maka sudah tentulah jumlah anaknya menjadi bertambah ramai dan memang menjadi kebiasaan orang yang mempunyai anak yang ramai melahirkan anak-anaknya setahun demi setahun. Justeru, makna **ibu keladi** yang lebih tepat dalam ayat tersebut ialah “orang yang mempunyai anak yang ramai”. Dalam Teori Relevans, semakin rendah usaha memproses maklumat, semakin relevanlah sesuatu ujaran dan ini berlaku dalam ujaran atau ayat (4). Ini bermakna, makna harfiah bentuk logik (4)ii dapat membantu usaha memproses maklumat bagi menghasilkan kesan konteks yang lebih relevan untuk ditafsirkan.

Dalam ayat (5) pula, makna **ibu keladi** dapat diinterpretasikan dengan makna implisit. Secara harfiahnya, **ibu keladi** dapat diinterpretasikan sebagai tumbuhan herba yang ubinya boleh dimakan. Kita juga tahu bahawa tumbuhan tersebut biasanya dibiarkan tumbuh meliar mengikut pembiakannya sendiri tanpa dibaja atau disiram. Perkataan “biarkan” dalam ayat (5) memberi konotasi “tidak mahu ambil peduli” yang biasanya berlaku apabila sesuatu keadaan atau tingkah laku tidak dapat dikawal lagi yang akhirnya mengharapakan perubahan berlaku dengan sendiri apabila tiba masanya. Tanggapan analogi ini menjadi pengayaan dalam mentafsir maksud ayat ini dan kedua-dua makna kiasan ini adalah cukup relevan dengan kesan konteks yang dapat dipertahankan. Justeru, bentuk logik (5)i dan ii dapat mewakili makna implisit bagi bentuk kata majmuk

kiasan ini. Dalam konteks hubungan sosial masyarakat Melayu, khususnya orang yang lebih dewasa tidak suka ditegur lebih-lebih lagi oleh orang yang lebih muda daripadanya. Walaupun kos memproses maklumat atau makna agak tinggi, konteks yang dibekalkan melalui perkataan yang dipilih mudah diproses sehingga makna yang tersirat dapat difahami dan menjadi lebih relevan.

Dari segi kriteria bentuk, kata majmuk **ibu keladi** dapat diuji seperti yang berikut:

- i. Ciri ketidakbolehsisipan – **ibu keladi** tidak boleh disisip dengan pola frasa seperti *yang, dari, kepada, milik* dan sebagainya, misalnya *ibu yang keladi**, *ibu dari keladi**, *ibu kepada keladi**, atau *ibu milik keladi**. Oleh itu, **ibu keladi** dalam makna implisit kekal sebagai kata majmuk.
- ii. Ciri ketidakbolehbalikan – **ibu keladi** jika diterbalikkan menjadi *keladi ibu* yang tidak membawa apa-apa maksud dalam bahasa Melayu dan ini menepati ciri kata majmuk.
- iii. Ciri imbuhan – **ibu keladi** dalam ayat (4) dan (5) boleh menerima imbuhan apitan untuk membentuk kata terbitan yang boleh diramalkan seperti *mengibukeladikan* yang bermaksud “menjadikan diri seperti ibu keladi” dan ini menepati ciri kata majmuk.

Dalam KDE3, **ibu keladi** dimasukkan sebagai frasa entri manakala kata terbitan *mengibukeladikan* tidak disenaraikan. Berdasarkan analisis semantik dan pragmatik serta pengujian ketiga-tiga ciri dalam kriteria bentuk seperti yang dinyatakan di atas, maka dapatlah dikatakan bahawa **ibu keladi** boleh dianggap sebagai bentuk kata majmuk kiasan kerana menepati pencirian yang diwajibkan dalam kajian ini.

3 Data “rumah ibu”

Analisis Semantik

Ayat contoh:

- (6) Serambi masjid itu telah runtuh terbenam ke dalam tanah menarik sebahagian daripada **rumah ibu**.
- (7) Dari serambi rumah ada sebuah pintu masuk ke bahagian tengah rumah atau disebut juga sebagai **rumah ibu**.
- (8) Dia lebih bersedia mengetuk pintu **rumah ibu** apabila malam telah membungkus alam.

Analisis Pragmatik

Dalam ayat (6) di atas, **rumah ibu** mempunyai makna implisit dan eksplisit. Makna kedua **rumah ibu** merujuk bahagian yang besar yang terletak di tengah-tengah binaan dalam bangunan seperti rumah, masjid dan sebagainya. Makna ini merupakan makna implisit kerana bentuk logik dapat menjangkau makna bentuk kata ini yang sebenar. Pengayaan maklumat bukan linguistik yang terdapat pada perkataan “serambi” dan “pintu”. Perkataan “pintu” dan “serambi” dapat dihubungkan dengan bahagian yang ada di dalam sesebuah binaan bangunan, sama ada rumah atau masjid. Aspek kesan konteks yang dibekalkan jelas dengan pemilihan rujukan kedua-dua perkataan ini yang dapat membentuk usaha memproses maklumat agak tinggi dengan makna yang hendak disampaikan. Bagaimanapun, ia setimpal dengan keberhasilan interpretasi makna yang dihajati dalam ayat tersebut. Hal ini juga berlaku dalam ayat (7) yang boleh dikesan melalui pemilihan rujukan “serambi” dan “pintu”.

Dalam ayat (8) pula, makna **rumah ibu** pada umumnya boleh mengisi kedua-dua makna implisit dan eksplisit jika tidak dilihat aspek konteksnya dalam ayat atau ujaran. Bagaimanapun, apabila aspek konteks dan usaha memproses maklumat dilakukan, maka jelaslah bahawa makna harfiah yang bermaksud “rumah kepunyaan ibu” lebih relevan untuk digunakan. Hal ini diperjelas dengan penggunaan perkataan “mengetuk pintu” dan “malam” dalam ayat tersebut yang boleh dijadikan pemilihan rujukannya. Dalam konteks pengetahuan umum, pintu diketuk untuk tujuan masuk ke dalam rumah. Suasana “malam” mengukuhkan bahawa “dia” (ganti nama yang digunakan) berada di luar rumah dan bersedia untuk mengetuk pintu. Oleh yang demikian, bersesuaian dengan Teori Relevans, maka makna harfiah atau lebih jelas makna eksplisitnya dalam mencapai tahap ketepatan maknanya sehingga mencapai kerelevanannya.

Jelasnya, **rumah ibu** mempunyai dua makna, iaitu sebagai kata majmuk dan frasa. **Rumah ibu**, iaitu “bahagian yang terletak di tengah-tengah binaan bangunan seperti rumah, masjid dan sebagainya”. Makna ini boleh dikesan hubung kait maknanya melalui Teori Relevans yang menekankan aspek konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat yang berkaitan antara satu sama lain dalam membantu menginterpretasikan ayat atau ujaran. Sebagai bentuk frasa pula, makna **rumah ibu** ialah “rumah kepunyaan ibu” yang dapat diterapkan melalui bentuk logik yang disarankan oleh teori semantik sistem penuh.

Dari segi kriteria bentuk, gabungan kata rumah **rumah ibu** dapat diuji

seperti yang berikut:

- i. Ciri ketidakbolehsisipan – **rumah ibu** untuk makna implisit tidak boleh disisip dengan pola frasa seperti *yang, dari, kepada*, dan sebagainya, misalnya *rumah yang ibu**, *rumah dari ibu**, atau *rumah kepada ibu**. Walau bagaimanapun, **rumah ibu** untuk makna eksplisit boleh disisipkan dengan pola frasa, iaitu *milik* atau *kepunyaan* yang membawa maksud “rumah milik atau kepunyaan ibu” dan ini bererti bentuk ini adalah bentuk frasa.
- ii. Ciri ketidakbolehbalikan – **rumah ibu** jika diterbalikkan menjadi *ibu rumah* yang membawa maksud yang sama tetapi jarang digunakan dan ini menepati ciri kata majmuk.
- iii. Ciri imbuhan – **rumah ibu** boleh menerima imbuhan apitan untuk membentuk kata terbitan yang boleh diramalkan misalnya *berumahibukan* yang bermaksud “mempunyai sesuatu yang menjadi rumah ibu” dan ini menepati ciri kata majmuk.

Dalam KDE3, **rumah ibu** dijadikan frasa contoh bagi pecahan makna yang ketiga (polisemi) dan pengkaji mendapati **rumah ibu** dalam entri **rumah** dimasukkan sebagai frasa contoh dengan makna yang agak berbeza, iaitu “bahagian yang utama rumah Melayu atau rumah induk, rumah gedang”. Kepelbagaian cara masukan kata majmuk mengundang ketidakseragaman cara pemasukan kata majmuk dalam kamus. Berdasarkan analisis semantik dan pragmatik serta pengujian ketiga-tiga ciri dalam kriteria bentuk, maka dapatlah dikatakan bahawa **rumah ibu** boleh digolongkan dalam bentuk kata majmuk dan juga bentuk frasa kerana mempunyai dua makna yang berbeza menurut pencirian kata majmuk seperti yang dinyatakan di atas.

Sebagai perbandingan, kajian yang berikut pula ialah penganalisan data yang dianggap sebagai bentuk frasa.

4. Data “ibu jari”

Analisis Semantik

Ayat contoh:

- (9) Imam Mihad mencubit roti canai di hadapannya dengan **ibu jari** dan jari telunjuk.
- (10) Haji Syamsuri turun tangga sambil menghentak-hentak hujung tongkat semambu sebesar **ibu jari** kaki itu ke tanah.

Analisis Pragmatik

Dalam kedua-dua ayat contoh di atas, **ibu jari** mempunyai makna eksplisit kerana maknanya boleh dikesan secara tersurat. Dalam ayat (9) **ibu jari** dapat dikaitkan penggunaan dengan jari telunjuk untuk mencubit sesuatu dalam konteks ini roti canai. Dalam ayat (10) pula **ibu jari** dalam konteks ini jari kaki dikaitkan dengan ukuran saiz pada tongkat. Kedua-dua ayat ini tidak memerlukan analisis lanjut pragmatik kerana makna dalam bentuk logik bagi (9) dan (10) dapat menjelaskan makna **ibu jari**, iaitu bahagian yang utama daripada jari tangan.

Dari segi kriteria bentuk, frasa **ibu jari** dapat diuji seperti yang berikut:

- i. Ciri ketidakbolehsisipan – **ibu jari** tidak boleh disisip dengan pola frasa, iaitu seperti *yang*, *kepada* dan *sebagainya*, misalnya *ibu yang jari**, *ibu antara jari**, *ibu kepada jari** dan sebagainya, yang boleh menepati ciri kata majmuk. Bagaimanapun, pola frasa *antara* boleh disisip untuk membawa ibu antara jari-jari yang ada dan ini pula tidak menepati ciri kata majmuk.
- ii. Ciri ketidakbolehbalikan – **ibu jari** boleh diterbalikkan menjadi *jari ibu* dan tidak mengalami perubahan makna, iaitu jari yang terbesar, jempul (KDE3 1994:520). Ini bermakna **ibu jari** tidak dapat menepati ciri kata majmuk.
- iii. Ciri imbuhan – **ibu jari** boleh menerima imbuhan apitan, yang boleh membentuk kata terbitan yang boleh diramalkan seperti *beribujarikan* dan ini menepati ciri kata majmuk. Walau bagaimanapun, kata ini tidak kerap digunakan dalam mana-mana penulisan.

Dalam KDE3, **ibu jari** dimasukkan sebagai frasa entri yang disamakan dengan jari tangan. Kata terbitan *beribujarikan* tidak disenaraikan. Berdasarkan analisis semantik dan pragmatik serta pengujian ketiga-tiga ciri dalam kriteria bentuk, maka dapatlah dikatakan bahawa **ibu jari** hanya boleh digolongkan dalam bentuk frasa kerana tidak menepati keseluruhan pencirian kata majmuk seperti yang dinyatakan di atas.

5. Data “ibu mentua”

Analisis Semantik

Ayat contoh:

- (11) **Ibu mentua** yang memandang darjat kedudukan hingga sanggup memisahkan anaknya daripada menantu.
- (12) Puteri Diana sudah merangka beberapa syarat sebelum menceraikan Putera Charles bagi memenuhi tuntutan **ibu mentuanya**, Ratu Elizabeth.

Analisis Pragmatik

Dalam kedua-dua ayat contoh di atas, **ibu mentua** mempunyai makna eksplisit kerana boleh dikesan maknanya secara terus. Ibu dalam makna bentuk logik yang merujuk kepada manusia perempuan dan mentua merujuk ibu atau bapa kepada suami atau isteri. Dalam ayat (11), perkataan “menantu” yang bermaksud isteri kepada anaknya sendiri dapat dikaitkan dengan **ibu mentua**. Dalam ayat (12) pula, jika perkataan ibu digugurkan pun masih boleh difahami kerana penggunaan kata Ratu Elizabeth sebagai pemilihan rujukan yang merujuk kepada nama perempuan yang diketahui ramai, iaitu ibu kepada suami Puteri Diana, Putera Charles. Pengetahuan ensiklopedik juga membantu pemahaman pembaca tentang isu perceraian kerabat diraja England kerana campur tangan Ratu Elizabeth.

Dari segi kriteria bentuk, gabungan kata **ibu mentua** dapat diuji seperti yang berikut:

- i. Ciri ketidakbolehsisipan – **ibu mentua** boleh disisip dengan pola frasa, iaitu *kepada* untuk maksud *ibu kepada mentua* yang bermaksud “ibu kepada suami atau isteri”. Ini bermakna bentuk ini tidak menepati ciri bentuk kata majmuk dan dianggap bentuk frasa.
- ii. Ciri ketidakbolehbalikan – **ibu mentua** jika diterbalikkan menjadi *mentua ibu* dan bentuk ini tidak digunakan dalam penggunaan bahasa Melayu. Ciri ini menepati ciri kata majmuk.
- iii. Ciri imbuhan – **ibu mentua** boleh menerima imbuhan apitan, misalnya untuk membentuk kata terbitan *beribumentuakan* dan ini menepati ciri kata majmuk.

Dalam KDE3, **ibu mentua** dimasukkan sebagai frasa contoh dan berdasarkan analisis semantik serta pengujian ketiga-tiga ciri dalam kriteria bentuk, maka dapatlah dikatakan bahawa **ibu mentua** hanya boleh digolongkan dalam bentuk frasa kerana tidak menepati keseluruhan pencirian kata majmuk seperti yang dinyatakan di atas.

6. Data “ibu kandung”

Analisis Semantik

Ayat contoh:

- (13) Sekalipun tidak sama dengan **ibu kandung**, keluarga angkat tetap dapat memberikan bimbingan yang baik.
- (14) Hubungan kasih sayang antara anak dengan ayah, antara anak dengan **ibu kandung** tidak dapat dipisahkan.

Dalam kedua-dua ayat contoh (13) dan (14) di atas, **ibu kandung** mempunyai makna eksplisit kerana boleh dikesan maknanya secara terus tanpa memerlukan usaha memproses yang tinggi. “Ibu” dalam makna bentuk logik merujuk kepada manusia perempuan dan kandung pula merujuk ‘kandungan’ yang dipunyai oleh mereka yang mengandung sehingga boleh dianggap sebagai **ibu kandung**. Dalam ayat (13), kata “keluarga angkat” boleh dipilih sebagai pemilihan rujukan yang dikaitkan dengan keluarga yang tidak mempunyai hubungan persaudaraan dengan anak yang dibelanya. Dengan kata lain, ibu yang membelanya bukan yang melahirkannya. Walaupun begitu, kedua-dua ayat ini mempunyai maklumat pragmatik atau maklumat bukan linguistik dengan tanggapan unsur pengayaan seperti kasih sayang, anak, ayah yang sememangnya sering dikaitkan dalam organisasi sesebuah keluarga. Makna dalam bentuk logik (13) dan (14) dapat menjelaskan makna **ibu kandung** yang dapat dikaitkan dengan kerelevanan konteks ayat.

Dari segi kriteria bentuk, gabungan kata **ibu kandung** dapat diuji seperti yang berikut:

- i. Ciri ketidakbolehsisipan – **ibu kandung** boleh disisip dengan pola frasa, iaitu *yang* untuk maksud *ibu yang (meN)kandung(kan)* yang bermaksud “ibu yang mengandungkan”. Ini bermakna bentuk ini tidak menepati ciri bentuk kata majmuk dan dianggap bentuk frasa.
- ii. Ciri ketidakbolehbalikan – **ibu kandung** jika diterbalikkan menjadi *kandung ibu* yang mempunyai maksud yang berbeza tetapi jarang digunakan alam penggunaan bahasa. Ciri ini menepati ciri kata majmuk.
- iii. Ciri imbuhan – **ibu kandung** boleh menerima imbuhan apitan, misalnya untuk membentuk kata terbitan *beribukandungkan* dan ini menepati ciri kata majmuk.

Dalam KDE3, **ibu kandung** dimasukkan sebagai frasa contoh dan

berdasarkan analisis semantik dan pragmatik serta pengujian ketiga-tiga ciri dalam kriteria bentuk, maka dapatlah dikatakan bahawa **ibu kandung** hanya boleh digolongkan dalam bentuk frasa kerana tidak menepati keseluruhan pencirian kata majmuk seperti yang dinyatakan di atas.

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis semantik dan pragmatik yang dilakukan, pengkaji mendapati bentuk frasa lebih mudah dikesan maknanya berbanding dengan bentuk kata majmuk. Bentuk kata majmuk memerlukan usaha memproses yang lebih berbanding dengan bentuk frasa, lebih-lebih lagi bagi bentuk majmuk yang mempunyai makna kiasan. Analisis kriteria bentuk melalui ciri penanda terpilih, iaitu ketidakboleh-sisipan, ketidakbolehbalikan dan ciri imbuhan bagi data-data yang terpilih dapat ditunjukkan dalam jadual di bawah. Jelas kepada kita bahawa apabila

Jadual 4 Perbandingan data terpilih menurut penanda ciri kriteria bentuk.

Data (gabungan kata)	Ketidak boleh-sisipan	Ketidak boleh-balikan	Ciri imbuhan	Hasil
ibu ayam	√ (KM)	√ (KM)	√ (KM)	Kata Majmuk
ibu keladi	√ (KM)	√ (KM)	√ (KM)	Kata Majmuk
ibu saudara	√ (KM)	√ (KM)	√ (KM)	Kata Majmuk
ibu angkat	√ (KM)	√ (KM)	√ (KM)	Kata Majmuk
rumah ibu	√ × (KM)/(F)	√ (KM)	√ (KM)	Kata Majmuk
ibu jari	√ × (KM)/(F)	× (F)	√ (KM)	Frasa
ibu mertua	× (F)	√ (KM)	√ (KM)	Frasa
ibu kandung	× (F)	√ (KM)	√ (KM)	Frasa
ibu bapa	× (F)	√ (F)	√ (KM)	Frasa
ibu kaki	× (F)	× (F)	√ (KM)	Frasa

ketiga-tiga ciri tersebut dapat diguna pakai oleh sesuatu bentuk gabungan kata (boleh terdiri daripada kata majmuk atau frasa), maka terhasillah bentuk kata yang disebut sebagai kata majmuk. Bagaimanapun, apabila salah satu ciri penanda terpilih itu tidak dapat diguna pakai oleh sesuatu bentuk gabungan kata itu, maka bentuk kata itu tidak dapat dianggap sebagai kata majmuk tetapi boleh dikelompokkan sebagai bentuk frasa atau parataksis. Jelaslah bahawa ketiga-tiga ciri penanda ini berpada untuk menentukan sama ada sesuatu bentuk gabungan kata itu dapat dianggap sebagai kata majmuk ataupun bukan kata majmuk.

Perbandingan Cara Masukan Kata Majmuk antara Hasil Kajian dengan *Kamus Dewan Edisi Ketiga*

Berdasarkan analisis semantik dan pragmatik yang dilakukan ke atas bentuk kata majmuk dan bentuk frasa dalam kajian ini, maka perlu dilihat sebagai perbandingan tentang cara masukan kata majmuk hasil kajian dengan *Kamus Dewan Edisi Ketiga* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5 Perbandingan cara masukan kata majmuk antara hasil kajian dengan *Kamus Dewan Edisi Ketiga*.

Bil.	Kata majmuk	Cara masukan dalam <i>Kamus Dewan Edisi Ketiga</i>	Cadangan cara masukan hasil analisis kajian
1.	ibu ayam	ibu I 1. orang ...; 2. panggilan hormat ...; 3. bahagian yg besar ...; 4. ki inti:~ <i>afrit</i> ...; ~ <i>ayam</i> perempuan yg memperdagangkan pelacur;	<ul style="list-style-type: none"> ■ ibu ayam 1. (<i>ki</i>) perempuan yg memperdagangkan pelacur: "Siapa perempuan tu?" "~." <i>Nafis</i> berbisik. 2. (<i>fn</i>) ibu kpd anak ayam: ~ <i>hitam</i> berbulu balik kepunyaan Razali sgd mengajar anak-anaknya mencakar tanah mencari ulat yg terakhir. beribuayamkan menjadikan sso sbg ibu ayam.

sambungan Jadual 5

Bil.	Kata majmuk	Cara masukan dalam <i>Kamus Dewan Edisi Ketiga</i>	Cadangan cara masukan hasil analisis kajian
2.	ibu keladi 2. panggilan hormat;	ibu I 1. orang ...; 2. panggilan hormat; 3. bahagian yg besar ...; 4. ki inti:~ <i>afrit</i>; ~ <i>ayam</i> ... ~ <i>kelung</i> ...; ~ <i>keladi</i> orang tua yg masih berkelakuan spt orang muda-muda;	■ ibu keladi 1. (<i>ki</i>) perempuan yg mempunyai anak yg ramai: <i>Apa tidaknya, setahun satu macam</i> ~. 2 (<i>ki</i>) orang tua yg masih berkelakuan spt orang muda-muda: “ <i>Biarkan ~ tu dengan caranya sendiri, satu hari nanti tahulah dia mengubah dirinya</i> ” tambahnya lagi. 3. (<i>fn</i>) bahagian utama tumbuhan (herba yg ubinya boleh digoreng atau digulai), mengibukeladikan menjadikan, menganggap sso spt ibu keladi.
3.	ibu saudara	ibu I 1. orang ...; 2. panggilan hormat; 3. bahagian yg besar ...; 4. ki inti:~ <i>afrit</i>; ~ <i>ayam</i> ... ~ <i>kelung</i> ...; ~ <i>kota</i> ... ~ <i>saudara</i> adik perempuan atau kakak kepada ibu (bapa) kita; ...	■ ibu saudara adik perempuan atau kakak kpd ibu (bapa) kita: <i>Siti sanggup berterus terang dgn ~nya bahawa dia tidak menaruh hati terhadap sepupunya</i> . beribusaudarakan mempunyai seseorang sbg ibu saudara:
4.	ibu angkat	ibu angkat perempuan yg membela anak orang; beribuangkatkan mempunyai seseorang sbg ibu angkat: <i>dia pernah ~ seorang wanita Inggeris ketika belajar di luar negara dulu</i> .	■ ibu angkat perempuan yg membela anak orang: <i>Adalah wajar setiap ~ terutama yg tidak pernah melahirkan anak mencuba memberi susu badan bagi menjamin hubungan lebih rapat</i> . beribuangkatkan mempunyai seseorang sbg ibu angkat:

sambungan Jadual 5

Bil.	Kata majmuk	Cara masukan dalam <i>Kamus Dewan Edisi Ketiga</i>	Cadangan cara masukan hasil analisis kajian
5.	rumah ibu	<p>ibu I 1. orang ...; 2. panggilan hormat; 3. bahagian yg besar induk, utama, pusat, (dll) drp sesuatu (spt pejabat dll); <i>rumah</i> ~ bahagian yg besar atau bahagian tengah sesebuah rumah; 4. ki inti...</p> <p>rumah I 1. binaan ...; 2. (biasanya ...; 3. ki pasukan ...; 4. = ~ <i>angka</i> ... ~ <i>adat</i>...; ~ <i>api</i> ...; ~ <i>ibu</i> bahagian yg utama rumah Melayu, rumah induk, rumah gedang; ...</p>	<p>■ rumah ibu I. bahagian yg besar atau bahagian tengah ssb rumah: <i>Serambi masjid itu telah runtuh terbenam ke dalam tanah menarik sebahagian drp</i> ~ 2. (<i>fn</i>) rumah milik ibu: <i>Dia lebih bersedia mengetuk pintu ~ apb malam telah membungkusalam. berumahibukan</i> menjadikan sst sbg rumah ibu:</p>

Petunjuk:

- - simbol kata majmuk
- ki* - kiasan
- fn* - frasa nama
- sst - sesuatu
- ssb - sesebuah
- sbg - sebagai
- kpd - kepada
- drp - daripada

Berdasarkan Jadual 5, dapatlah dirumuskan bahawa pemasukan kata majmuk dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* mempunyai pelbagai cara, iaitu diletakkan sebagai frasa entri, misalnya pada kata majmuk *ibu ayam*, *ibu keladi*, *ibu saudara*, sebagai entri utama, misalnya pada kata majmuk *ibu angkat*, dan sebagai polisemi atau dalam pecahan makna bagi entri utama,

misalnya *rumah ibu*. Justeru, keselarasan cara pemasukan kata majmuk perlu dilakukan dan satu kaedah pemasukan kata majmuk disarankan dengan meletakkan simbol ■ pada setiap kata majmuk dan dilabelkan (ki) sekiranya mempunyai maksud kiasan. Kaedah ini memudahkan pengguna kamus mengenal pasti bentuk kata majmuk dan ciri yang dibawa oleh bentuk kata ini, terutamanya jika yang bersifat kiasan. Contoh penggunaan, iaitu ayat perlu juga dimasukkan untuk dikaitkan dengan konteks penggunaan bentuk kata ini. Saranan bagaimana memasukkan bentuk frasa dalam kamus tidak dibincangkan dalam kajian ini memandangkan kajian ini hanya bertumpu kepada penjana bentuk kata majmuk dalam kamus.

KESIMPULAN

Kertas ini memperlihatkan peri pentingnya kata majmuk disusun semula dalam kamus agar entrinya dapat berdiri sendiri sebagai kata masukan utama. Kata majmuk dalam perbincangan ini lebih mirip kepada kata majmuk kiasan. Memandangkan kata majmuk kiasan mampu memberikan makna eksplisit dan implisit, maka pengkaji mengesyorkan agar ia dimasukkan sebagai entri yang tersendiri. Dengan itu, diharapkan penyusunan baharu ini akan mampu memberikan panduan kepada pengguna kamus bukan sahaja penutur jati tetapi juga penutur asing.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1974. *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan, 1987. *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Abdullah Hassan, 1994. *Tatabahasa Dinamika: Berdasarkan Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Arbak Othman, 1984. *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Aishah Mahdi, "Kata Majmuk dalam Bahasa Malaysia Hari Ini" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm. 417–427, Jun 1978.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carmel Heah Lee Hsia, 1989. *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982. *Keputusan dan Rumusan Bengkel Frasa Nama dan Kata Majmuk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. *Persidangan dan Keputusan MABBIM (1972–1992)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harimurti Kridalaksana, “Kata Majmuk $A+B=AB$ ” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, hlm. 11–20, Februari 1981.
- Harimurti Kridalaksana, 1988. *Beberapa Prinsip Perpaduan Leksem dalam Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Hartmann, R.R.K., 1993. *Leksikografi: Prinsip dan Amalan*. Diterjemah oleh Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R.M., 1991. *Teori Semantik*. Diterjemah oleh Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang, 1999. *Malay Grammar Made Easy: A Comprehensive Guide*. Kuala Lumpur: Times Book International.
- Nik Safiah Karim *et al.*, 1997. *Tatabahasa Dewan (Edisi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizatul Akmar Mohd Amin, 2001. “Kata Majmuk Bahasa Melayu: Persoalan ciri” dlm. *Dewan Bahasa*, hlm. 48–53, September 2001.
- Sperber, D. & Wilson, D., 1999. *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 2001. Kajian Aspek Bahasa: Morfologi. Kertas kerja Konvensyen Bahasa Kebangsaan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2–4 Mei 2001.